

UMT, Kerajaan Negeri bekerjasama wujud 'teaching port'

ST 25/11/08. mls T4



• AZIZ DERAMAN

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi menubuhkan pelabuhan pengajaran atau 'teaching port' di pesisir Sungai Terengganu.

Naib Canselor UMT, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, kewujudan 'teaching port' yang memberi banyak

manfaat kepada penuntut universiti itu turut berfaedah kepada nelayan negeri ini.

Sementara itu menuarinya, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), pihaknya merancang menambah bot yang lebih besar dan selamat untuk kegunaan penuntut.

"Buat masa sekarang, kami mempunyai sembilan

bot baru dan lama, setiap satu berharga RM450,000.

"Melihat kepada keperluan semasa, kami merancang menambah bilangan bot yang lebih luas dan selamat untuk kegunaan penuntut berulang-alik ke Pulau Bidong, Pulau Perhentian, Pulau Kapas dan sebagainya bagi tujuan pengajian serta penyelidikan," katanya.